

KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
20 FEBRUARI 2020

---

**1. PERSARAAN PENGARAH PERKHIDMATAN PERBANDARAN  
MBSP**

MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Encik Mohd Puad bin Hamid**, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran yang akan bersara pilihan sendiri berkuatkuasa **1 Mei 2020**. Beliau sedang menghabiskan cuti rehat bermula 17 Februari 2020 sehingga tarikh persaraan beliau. Beliau telah berkhidmat selama 17 tahun di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Semoga beliau terus berjaya didalam apa jua bidang yang akan ceburi kelak.

**2. PELANTIKAN PEMANGKU PENGARAH PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN MBSP**

MBSP mengucapkan tahniah kepada **Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**, Penolong Pengarah Perkhidmatan Perbandaran yang akan memangku jawatan Pengarah

Perkhidmatan Perbandaran berkuatkuasa **1 Mac 2020**. Semoga beliau akan meneruskan kecemerlangan dalam mentadbir Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

### **3. PELANTIKAN KETUA JABATAN PENGURUSAN KRISIS MBSP**

Dimaklumkan bahawa **Encik Mohammad Aidil Bin Samsuri** telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengurusan Krisis yang berkuatkuasa **2 Januari 2020**. Semoga beliau akan meneruskan kecemerlangan dalam mentadbir Jabatan Pengurusan Krisis.

### **4. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Nurvanida Alisha Binti Sinnappan, Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Gred J48) berkelulusan Sarjana Muda Perancang Bandar Dan Wilayah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah ditempatkan di Unit Pusat Setempat (OSC) berkuatkuasa 2 Januari 2020.

Dimaklumkan juga bahawa terdapat tiga (3) pelantikan Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional di Jabatan Direktorat Penguatkuasaan iaitu Encik Amirul Ariff Bin Abdul Rahman, Encik Khairul Azhar Bin Ramli dan Encik Mohd Firdaus Bin

Ghosni telah dilantik menjadi Pegawai Penguatkuasa berkuatkuasa 3 Februari 2020. Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

## **5. SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MBSP 2021**

Dimaklumkan bahawa Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2021 akan diadakan pada 29 Mac 2020 (Ahad) jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di The Light Hotel, Seberang Jaya. Ianya bertujuan melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet tahun 2021 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MBSP.

Oleh itu, saya ingin menjemput individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta untuk turut serta dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2021. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Norshazila Binti Alias atau Pn. Nurul Atiqah Bt Mohd Affindi atau Unit Bajet ditalian 04-5497 460/890 atau email [norshazila@mbsp.gov.my](mailto:norshazila@mbsp.gov.my) / [nurulatiqahaffindi@mbsp.gov.my](mailto:nurulatiqahaffindi@mbsp.gov.my) / [bajet@mbsp.gov.my](mailto:bajet@mbsp.gov.my)

## **6. PROMOSI HEBAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MBSP TAHUN 2020**

Dimaklumkan Promosi Cukai Taksiran 2020 yang bermula pada 1 Disember 2019 akan tamat pada 29 Februari 2020. Pemilik premis yang ingin menyertai cabutan bertuah hendaklah membayar keseluruhan cukai taksiran bagi tahun 2020 berserta tunggakan (jika ada) selewat-lewatnya 29 Februari 2020 dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang disediakan.

Hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan bagi **kategori A** iaitu pembayaran secara **ONLINE / AGEN KUTIPAN / KIOSK** adalah seperti berikut: -

| <b>Kedudukan Hadiah</b>  | <b>Jenis Hadiah</b>  |
|--------------------------|--|
| Tempat Pertama           | Wang Tunai RM8,000   |
| Tempat Ke- 2             | Wang Tunai RM4,000   |
| Tempat Ke- 3             | Wang Tunai RM2,000   |
| Tempat Ke- 4             | Wang Tunai RM1,000   |
| Tempat Ke- 5             | Wang Tunai RM1,000   |
| Tempat Ke- 6             | Wang Tunai RM1,000   |
| Tempat Ke- 7             | Wang Tunai RM1,000   |
| Tempat Ke-8 hingga Ke-40 | Peralatan sukan / rekreasi, perkakasan teknologi maklumat / telekomunikasi serta peralatan rumah & elektrik. |

Manakala, lima (5) hadiah telah disediakan bagi **kategori B** iaitu pembayaran cukai taksiran **dikaunter MBSP** iaitu berupa peralatan elektrik.

Pembayaran boleh dibuat secara atas talian (online) di laman web MBSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kiosk atau melalui agen-agen sah MBSP. Pembayaran juga boleh dibuat di kaunter bayaran di Menara Bandaraya MBSP, Kaunter Cawangan MBSP di Kampung Jawa, Butterworth dan Jawi. Pembayaran secara atas talian amatlah digalakkan yang mana secara tak langsung menyokong menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, layari [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 790** atau e-mail di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my).

## **7. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 3 MAC 2020**

Dimaklumkan 29 Februari 2020 (Sabtu) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2020. Mulai 3

Mac 2020, Caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Pembayaran boleh dibuat secara atas talian (online) di laman web MBSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kiosk atau agen-agen sah MBSP. Pembayaran juga boleh dibuat di kaunter bayaran Menara Bandaraya MBSP, Kaunter Cawangan MBSP di Kampung Jawa, Butterworth dan Jawi.

## **8. SALURAN PEMBAYARAN BARU BAGI KOMPAUN LETAK KERETA & CUKAI TAKSIRAN MBSP MELALUI KIOSK PAYQUICK**

Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran kompaun letak kereta MBSP serta cukai taksiran MBSP kini boleh dibuat melalui mesin kiosk PayQuik yang dikendalikan oleh PayLink Global Sdn Bhd. Mesin ini telah ditempatkan di Menara Bandaraya MBSP Bandar Perda dan Pejabat Cawangan Jalan Betek, Bukit Mertajam. Pengguna hanya perlu memasukkan nombor akaun cukai taksiran atau nombor kompaun letak kereta semasa membuat bayaran.

Pembayaran juga boleh dibuat di mesin kiosk PayQuick di seluruh Malaysia.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**